



UNTUK SIARAN SEGERA

200 PELAJAR SERTAI KLINIK UPSR ANJURAN MIDF DI SUNGAI PETANI, KEDAH

Sungai Petani, Kedah 22 April 2019 – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) terus komited menjalinkan kerjasama dengan Unit Pendidikan Berita Harian (BH) untuk menganjurkan Klinik UPSR sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2019 (MSAM) di Sungai Petani, Kedah.

Seramai 200 orang murid dari 50 buah sekolah di sekitar daerah Kuala Muda/Yan terpilih untuk menyertai Klinik UPSR tersebut yang berlangsung pada 22 dan 23 April 2019. Sebelum ini MIDF pernah menganjurkan Klinik ini sempena penganjuran MSAM bertempat di Kota Tinggi, Kuala Lumpur, Batu Pahat, Johor dan Temerloh, Pahang.

Penganjuran program ilmu ini bertujuan untuk meningkatkan kelangsungan pembangunan pendidikan yang merupakan aset yang paling berharga kerana ia mampu mengubah hidup seseorang. Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Dato' Charon Mokhzani berkata "MIDF amat menitikberatkan usaha untuk meningkatkan pencapaian murid-murid khususnya untuk golongan yang kurang berkemampuan. Ilmu teramatlah penting terutamanya pada zaman ini, justeru saya harap pelajar-pelajar akan menggunakan ilmu yang diberikan ini sebaiknya."

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini menyediakan kaedah belajar secara berkesan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan UPSR bulan September nanti. Mereka telah diberi bimbingan daripada tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkebolehan. Fokus Klinik UPSR pula akan ditumpukan kepada empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu (Pemahaman), Bahasa Melayu (Penulisan), Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

"Tujuan MIDF menganjurkan program ini adalah untuk membantu membentuk masyarakat serta pemimpin masa depan yang cemerlang. Kami akan meneruskan penganjuran program-

program seperti ini untuk membantu Negara dalam pembentukan modal insan yang berkualiti dan seterusnya bertaraf antarabangsa," tambah Dato' Charon Mokhzani lagi.

Hadir bersama di majlis penutup Klinik UPSR pada 23 April 2017 untuk menyampaikan sijil kepada murid-murid yang berjaya menyertai klinik tersebut adalah Ahmad Farouk Bin Mohamed Ketua Jabatan Pengarah Urusan dan juga Abdul Malek Bin Abdul Hafiz, Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan MIDF.

###

Mengenai MIDF

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Irmawati Mahamad Tahir

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: irmawati@midf.com.my

Farrash Hasbollah

Associate Director, Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (019) 661 3535

Emel: farrash@midf.com.my

Noorfazilah Rebatin

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8753

Faks: (03) 2173 8499

HP: (017) 2300 943

Emel: noorfazilah@midf.com.my